

MKH Dapat Kelulusan Bursa Malaysia Untuk Senarai Saham Baharu, Waran Bernama

4 Apr, 2014

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Bursa Malaysia Securities Bhd telah meluluskan penyenaian dan sebut harga 75.67 juta saham biasa baharu MKH Bhd bernilai RM1 setiap satu selaras dengan cadangan penerbitan bonusnya.

Bursa Malaysia juga telah meluluskan penyenaian 5.82 juta waran MKH, yang terbit daripada penyaluran cadangan penerbitan bonus itu.

MKH mencadangkan untuk menerbitkan 75.67 juta saham bonus untuk dikreditkan sebagai dibayar sepenuhnya pada asas satu saham bonus bagi setiap lima saham MKH sedia ada yang dimiliki pemegang saham MKH.

Penerbitan bonus yang dicadangkan itu adalah sebagai hadiah kepada pemegang saham syarikat kerana sokongan berterusan kepada MKH dan anak syarikatnya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1028034>